

Persidangan Kebangsaan Persatuan-Persatuan Cina Malaysia 728

Bantahan Terhadap Dasar-Dasar Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 Yang Tidak Kondusif Kepada Pembangunan Pendidikan Bahasa Ibunda

Ucapan Dr. Yap Sin Tian, Pengerusi Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong)

Tarikh: 28 Julai 2013 (Ahad)

Masa: 11 Pagi

Tempat: Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Kwo, Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada para hadirin yang saya hormati sekalian. Persidangan hari ini dihadiri oleh para perwakilan kehormat dari persatuan-persatuan Cina, parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan pendidikan dari pelbagai aliran sekolah serta rakyat yang mencintai pendidikan bahasa ibunda dari seluruh negara.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

Laporan Awal Pelan Pendidikan 2013-2025 yang diumumkan oleh Kementerian Pendidikan masih meneruskan perlaksanaan dasar-dasar yang tidak kondusif kepada pembangunan pendidikan bahasa ibunda.

Pada saat yang penting ini, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia iaitu Dong Zong menganjurkan persidangan ini untuk menyeru rakyat berwaspada terhadap ancaman dan cabaran daripada Pelan Pendidikan tersebut, bersatu padu dan berjuang demi hak-hak dan kepentingan pendidikan bahasa ibunda dan setiap aliran sekolah di negara kita.

Persidangan ini menegaskan bahawa:

1. Hak rakyat untuk menerima pendidikan bahasa ibunda tidak boleh dirampas, disamping mementingkan pembelajaran Bahasa Kebangsaan.
2. Kerajaan perlu mendengar dan memandang serius terhadap permintaan kita.
3. Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (Unesco) PBB perlu memberi perhatian terhadap keadaan yang kita hadapi.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

Persidangan hari ini mendapat respon baik dan sokongan kuat daripada pelbagai pihak. Mengikut perangkaan, lebih daripada 854 buah pertubuhan, termasuk 43 buah pertubuhan di peringkat kebangsaan telah menjawab dengan rasminya untuk mengambil bahagian dalam persidangan hari ini.

Permintaan dan suara hati kita telah mendapat sokongan dan simpati daripada pelbagai parti politik dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan pendidikan. Saya mewakili pihak pengajur mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penyokong dan kawan-kawan yang telah hadir atau tidak dapat hadir di persidangan ini.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

Negara kita ialah sebuah negara yang berbilang kaum, budaya, agama dan bahasa. Pendidikan bahasa ibunda Cina telah berakar dan membangun di tanah air kita hampir 200 tahun. Ia telah melalui jalan yang amat sukar dan berliku-liku dalam perjuangannya. Ia juga menyumbang jasa yang cemerlang kepada kemerdekaan dan pembangunan tamadun negara kita.

Pembangunan zaman ini semakin beralih ke zaman Asia. Negara kita merupakan tempat pertemuan tamadun Timur dan Barat. Bahasa-bahasa yang digunakan oleh rakyat negara kita merupakan jambatan untuk berhubung dengan negara-negara lain. Setiap aliran sekolah merupakan aset dan kelebihan negara kita. Segala diskriminasi dan peminggiran terhadap bahasa dan budaya setiap kaum di negara kita merupakan satu kesalahan yang serius.

Tamadun Tionghua kaya dengan semangat kesederhanaan dan toleransi. Oleh itu, sepanjang masa ini masyarakat Cina boleh hidup aman-damai, hormat-menghormati, tolong-menolong, saling belajar dan maju bersama-sama dengan pelbagai kaum.

Akan tetapi, pendidikan bahasa ibunda Cina menghadapi penindasan dan halangan daripada pihak penjajah British sejak tahun 1920-an. Laporan Barnes yang dikemukakan pada tahun 1951 pula mahu menghapuskan sekolah-sekolah Cina dan Tamil untuk digantikan dengan Sekolah Kebangsaan. Walau bagaimanapun, matlamat tersebut tidak berjaya dicapai.

Atas ciri-ciri dan kelebihan pendidikan bahasa ibunda Cina dan sokongan kuat masyarakat Cina sepanjang masa ini, sekolah-sekolah Cina masih dapat dikekalkan.

Sejak kemerdekaan negara kita hingga hari ini, masih terdapat orang yang berfikiran perkauman sempit melihat kepelbagaian budaya dan bahasa di negara kita sebagai halangan kepada perpaduan rakyat. Oleh itu, pendidikan sekolah aliran Cina dan Tamil masih manghadapi ancaman dan gangguan daripada dasar satu aliran sekolah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama bagi semua ibu bapa, pihak kerajaan melihat usaha ibu bapa masyarakat Cina dan India menghantar anak-anak mereka mendapatkan pendidikan bahasa ibunda sebagai satu keadaan yang kononya “tidak sihat”. Ini bertentangan dengan peruntukan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan negara kita yang menjamin hak-hak rakyat setiap kaum mengguna, mengajar dan belajar bahasa ibunda mereka secara bebas.

Laporan Awal Pelan Pendidikan 2013-2025 yang diumumkan oleh Kementerian Pendidikan pada bulan September 2012 masih meneruskan perlaksanaan dasar satu aliran sekolah. Keadaannya menjadi lebih teruk dan serius. Ia juga menetapkan pendidikan prasekolah menggunakan kurikulum kebangsaan, bahasa pengantar adalah Bahasa Kebangsaan. Ini bertentangan dengan hak-hak ibu bapa memilih jenis sekolah rendah secara bebas untuk pendidikan anak-anak mereka.

Dasar pendidikan yang berat sebelah menyebabkan pendidikan negara kita berada pada tahap yang rendah dalam penilaian PISA (*Program for International Student Assessment*) atau Program Penilaian Pelajar Internasional.

Selain itu, Kementerian Pendidikan melalui Pelan Pendidikan 2013-2025 dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) ingin melaksanakan kurikulum dan peperiksaan mata pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, seterusnya menambah banyak masa pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia. Ini tidak menepati prinsip-prinsip pembelajaran dan pengajaran, dan mengabaikan hak-hak pendidikan bahasa ibunda.

Kami menghormati kedudukan Bahasa Kebangsaan dan mementingkan pembelajaran Bahasa Kebangsaan. Kami berpendapat, usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan mata pelajaran Bahasa Malaysia seharusnya berasaskan kepada keadaan sebenar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Ini termasuk memperbaiki kurikulum, buku teks, kaedah pengajaran dan pembelajaran, dan latihan guru mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk memenuhi keperluan dan ciri-ciri SJKC supaya mencapai keberkesanan pembelajaran yang paling baik bagi meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid SJKC.

Kementerian Pendidikan masih mengabaikan Sekolah Menengah Persendirian Cina. Kerajaan masih tidak mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (*Unified Examination Certificate, UEC*). Sekolah-sekolah ini tidak mendapat peruntukan daripada kerajaan dan sukar mendapat kelulusan penubuhan sekolah yang baru. Setiap tahun terdapat hampir 10 ribu orang pelajar tidak dapat masuk ke sekolah-sekolah ini akibat kekurangan tempat belajar.

Pihak lembaga pengelola sekolah merupakan pelindung kepada sekolah-sekolah Cina. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan selama ini meminggirkan dan merampas kuasa lembaga pengelola sekolah Cina. Masalah tersebut masih tidak diselesaikan, ini amat tidak munasabah dan tidak adil.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

Kementerian Pendidikan telah menjemput beberapa pakar luar negara dan dalam negara untuk menggubal Pelan Pendidikan 2013-2025. Pihak kementerian juga menubuh pasukan petugas projek yang mempunyai 12 anggota dan pejabat pengurusan projek yang dianggotai oleh 11 orang akademik. Mereka hanya terdiri daripada satu kaum sahaja kecuali seorang Cina Muslim. Penggubalan pelan pendidikan tersebut tidak melibatkan penyertaan orang daripada aliran pendidikan, agama dan kaum yang lain. Oleh itu, adakah ia dapat

mengadakan dasar-dasar pendidikan yang adil, munasabah dan demokratik? Ini menimbulkan keraguan orang ramai. Kini terdapat beberapa orang akademik dalam kajiannya menunjukkan dengan jelas bahawa Pelan Pendidikan 2013-2025 tidak memahami masalah dan aspirasi sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah menengah persendirian Cina, sekolah menengah Conforming, sekolah agama rakyat dan sekolah mubaligh, termasuk mengabaikan keperluan sekolah-sekolah tersebut. Sebentar lagi, beberapa orang ahli akademik dan wakil pertubuhan masyarakat akan mengkongsi pandangan dan cadangan mereka berkenaan perkara tersebut bersama kita.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

Hari ini, kita melaksanakan hak dan tanggungjawab selaku seorang rakyat. Demi kepentingan negara, kebahagiaan rakyat dan masa depan anak-anak, kita tidak boleh berdiam diri dan mesti meluahkan suara hati kita. Saya berharap pihak kerajaan boleh mengutamakan rakyat dengan memansuhkan dasar satu aliran sekolah dan memperbetulkan semua dasar dan perlaksanaan yang tidak kondusif kepada pembangunan pendidikan bahasa ibunda bagi memenuhi harapan rakyat.

Sekiranya Kementerian Pendidikan masih mengabaikan suara hati rakyat dan berkeras melaksanakan Pelan Pendidikan, maka kita akan mengambil beberapa tindakan susulan berikut:

1. Melancarkan kempen mengumpul tandatangan sokongan individu dan pertubuhan, termasuk melalui saluran internet.
2. Mengadakan ceramah di seluruh pelusuk negara.
3. Membuat aduan kepada Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (Unesco) PBB.

Kita berikrar akan meneruskan perjuangan sehingga semua dasar dan perlaksanaan yang tidak kondusif kepada pembangunan pendidikan bahasa ibunda dalam Pelan Pendidikan 2013-2025 disemak semula dan diperbetulkan sepenuhnya.

Hidup Pendidikan Bahasa Ibunda!

Hidup Rakyat, Hidup Perpaduan!

Sekian, terima kasih.